



## LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan, terdiri daripada pemohon atau ibu/ bapa pemohon yang dilahirkan di Negeri Selangor yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ( LPHS). Keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.

BIL	JAWATAN	GREED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
A.	AKAUNTAN	WA41	1	KONTRAK

#### A. NAMA JAWATAN : AKAUNTAN GREED WA41

**Kumpulan:** Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji:

GREED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
WA41	RM2,820.00	RM9,585.00	RM225.00
ITKA ITP Elaun Sara Hidup	RM300.00 RM300.00 RM150.00-RM350.00		

#### SYARAT LANTIKAN:

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.(Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
- Lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
- Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA) (Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

- Mempunyai pengalaman 7 tahun atau lebih dalam bidang perakaunan, percukaian dan keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki Sijil Kelayakan Profesioanal Association of Chartered Certified Accountant (ACCA).

## **DESKRIPSI TUGAS:**

Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan pejabat-pejabat Kerajaan, meliputi melaksanakan analisis laporan kewangan, perakaunan serta fungsi perbendaharaan.

### **TARAF JAWATAN**

#### **Kontrak**

### **SYARAT- SYARAT LANTIKAN/ PERMOHONAN**

- Warganegara Malaysia
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa serta sijil lahir, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan.
- Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing dan perlu disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemas kini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
- Borang Permohonan yang tidak lengkap diisi akan ditolak.
- Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.
- Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga.
- Pemohon-pemohon hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat.
- Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

### **SYARAT- SYARAT LANTIKAN/ PERMOHONAN**

Permohonan adalah secara atas talian di <https://ejawatan.lphs.gov.my>

Tarikh Tutup Permohonan adalah pada **17 Jun 2024**